

TARIKH: 26/9/23.

SURAT KHABAR: Utusan Malaysia.

MUKA SURAT: 30

Suri rumah lega ditaja skim SKSSR

MELAKA: Suri rumah menyifatkan pemberian Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) secara percuma meringankan beban serta dapat melindungi diri mereka daripada berlaku kemalangan.

Mereka gembira atas keprihatinan Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya, Adam Adli Abd. Halim menaja skim tersebut.

Bagi Hamidah Osman, 45, dia tidak terfikir akan menerima skim tersebut secara percuma kerana sejak kematian suaminya tiga tahun lalu dia tiada pendapatan tetap.

Menurutnya, sejak kematian suaminya akibat sakit dia kini hanya menjaga cucu dan tidak bekerja.

"Saya ucap terima kasih kepada Adam Adli kerana memilih saya menerima skim ini jika berlaku sesuatu kepada saya dah ada pembiayaan perubatan dan tidak perlu susahkan siapa-siapa," ujarnya



HAMIDAH OSMAN

ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas program Pemimpin Bersama Masyarakat SKSSR di Wisma Perkeso, Ayer Keroh di sini.

Katanya, sebelum ini dia tidak pernah memiliki sebarang perlindungan insurans sewaktu suaminya masih hidup.

Bagi seorang lagi suri rumah Nor Raihana Sumadi, 35, berkata, dia lega menerima SKSSR kerana tidak perlu membayar untuk memperoleh perlindungan insurans untuk



RAIHANA SUMADI

dirinya.

"Saya bekerja di kedai makan dengan menaiki motosikal pendapatan kecil mana mampu nak beli insurans diri namun mujurlah dapat percuma dan ditaja.

"Di tempat saya bekerja ada buat caruman Perkeso dan sekarang ada dua perlindungan saya rasa lega dilindungi baik di tempat kerja dan di rumah," ujarnya yang mempunyai empat anak berusia antara setahun hingga 14 tahun.

Utusan Malaysia / Selasa 26/9/2023 / MS 30
dalam negeri